

03 MAY 2004

Mahathir-Antartika

ANTARTIKA MESTI DIPULIHARA SEBAGAI MILIK DUNIA, KATA MAHATHIR

PULAU PINANG, 3 Mei (Bernama) -- Tuntutan untuk memulihara Antartika sebagai milik global "Terra Nullis" atau tanah yang bukan menjadi milik sesiapa, wajar termaktub dalam perjanjian antarabangsa, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ia mesti termaktub dalam perjanjian antarabangsa kerana walaupun ada perjanjian am bahawa sumber-sumber di Antartika tidak boleh dieksploitasi, ada negara-negara yang menyatakan bantahan mereka terhadap perjanjian itu.

"Negara-negara penyangak mungkin akan terus cuba meneroka sumber minyak dan galian lain yang banyak terdapat di Antartika," katanya dalam uaputama pada seminar antarabangsa Malaysia mengenai Antartika anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menyumbang idea bagi melindungi Antartika sebagai tanah yang tidak berpenghuni dan berharap ia akan diberi pertimbangan serius oleh dunia.

"Malaysia telah menyuarakan bahawa ada negara yang membuat tuntutan terhadap Antartika dan mereka mungkin akan cuba meneroka deposit minyak dan galian lain dan memusnahkan keadaan asli benua ais itu selama-lamanya," katanya.

Dr Mahathir berkata wujud kebimbangan bahawa jika ais di Antartika cair atas apa alasan sekali pun, paras air laut akan meningkat tinggi yang akan menenggelamkan banyak negara kepulauan dan kebanyakan negara yang bersempadanan dengan laut menjadi semakin kecil apabila banjir laut membanjiri kawasan rendah dan lembangan sungai.

Dr Mahathir berkata kebimbangan ini berasas dan kini berlaku pemanasan bumi akibat lapisan ozon semakin nipis dan inilah contoh mengenai kurangnya pengetahuan manusia mengenai kesan jangka panjang.

"Kini jika Antartika di eksploitasi kerana sumber mineralnya

yang kaya,
kita tidak mengetahui sebenarnya kesan yang akan berlaku terhadap
ais di
benua itu serta kesannya kepada alam sekitar dunia.

Dan oleh kerana kebimbangan inilah, Malaysia memutuskan
menentang
tuntutan pemilikan ke atas Antartika dan Malaysia membangkitkan
persoalan
mengenai Antartika pada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan
disokong oleh
Antigua" katanya.

Dr Mahathir berkata kini jelas Malaysia semakin mendapat
perakuan di
atas minatnya di Antartika menerusi penyelidikan yang dilakukan di
sana
dengan Malaysia dijangka akan menjadi anggota gabungan SCAR
(Jawatankuasa
Saintifik Mengenai Penyelidikan Antartika) tidak lama lagi.

"Sudah sampai masanya kerajaan Malaysia membuat keputusan sama
ada
menyertai ATS (Sistem perjanjian Antartik) atau sebaliknya. Keadaan
semasa
tidak membolehkan Malaysia terus terlibat dalam penyelidikan di
Antartika,
terutama jika program itu akan dilanjutkan dalam Rancangan Malaysia
Kesembilan," katanya,

-- BERNAMA

AZE LAT